

RENUNGAN KED UNTUK OGOS 2017
TEMA UTAMA : MENJADI MURID-MURID HARAPAN

Sub-Tema : HARAPAN : EKARISTI MEMUPUK KITA

Lagu Pembukaan :

Ekaristi Sumber Kehidupan Kita

1. Syukur Tuhan cinta kasih-Mu
Puji Yesus kehadiran-Mu
Ekaristi warisan kasih-Mu
Korban kudus tubuh dan darah-Mu

2. Syukur Tuhan bersatu dengan-Mu
Sentiasa berserta kami
Ekaristi cinta kasih-Mu
Santapan sepanjang hayat kami.

Mari semua mari kita bersatu
Hayati bersama cintakasih-Nya
Sedari bersama kehadiran-Nya
Ekaristilah menjadi tandanya.

Doa Pembukaan : Menjemput seorang ahli KED untuk mengucapkan Doa Pembukaan .

DIALOG

Renungan dari seorang Cikgu sebuah Sekolah Katolik .

“ Ketika saya berjumpa kawan saya di sebuah Restoran, dia memiliki sebuah botol berisi anggur di tangannya. Kami duduk bersama , dan kami memulai perbincangan perkara apa yang telah terjadi di dalam kehidupan kami. Selepas makanan datang - dan makanan itu nampak lazat ! – Perbincangan dapat berubah menjadi sesuatu yang sangat bererti di dalam kehidupan kita - pencapaian kita – cinta kita, harapan kita dan hasrat kita.

Ketika kami sudah selesai, kami berdua kembali ke rumah dengan memiliki harapan yang lebih dan semangat yang lebih juga. Kemudian, saya tidak dapat berfikir dengan baik bahawa ada beberapa hubungan antara makan malam bersama kawan saya itu dan dalam perayaan Ekaristi. Kita datang apa adanya, dengan kekuatiran kita dan ketakutan kita, juga pencapaian kita. Kita mendengarkan cerita daripada mereka yang berkongsi akan kondisi kemanusiaan dan kekuatan yang tersedia dari karunia Tuhan. Dan kita berkongsi Roti Kehidupan, untuk membantu kita meneruskan, memberikan semangat yang penuh harapan.”

Pertanyaan - pertanyaan yang di kongsikan :

Lihatlah pengalaman daripada cikgu ini ; Harapan apakah yang anda rasakan ketika anda bersatu di dalam Perayaan Ekaristi ?

PENDALAMAN (Luk 24:13-33)

Pada hari itu juga, dua orang daripada pengikut Yesus sedang pergi ke pekan bernama Emaus, kira-kira sebelas kilometer jauhnya dari Yerusalem. Mereka berbincang tentang peristiwa yang sudah berlaku. Sedang mereka bercakap dan bertukar pendapat, Yesus datang menghampiri mereka dan berjalan bersama-sama mereka. Mereka nampak Yesus, tetapi entah bagaimana mereka tidak mengenal Dia. Yesus berkata kepada mereka, “Apakah yang kamu percakapkan dalam perjalanan kamu ini?” Mereka berhenti dengan muka sedih. Lalu seorang daripada mereka yang bernama Kleopas bertanya kepada Yesus, “Adakah tuan satu-satunya orang di Yerusalem yang tidak mengetahui apa yang telah berlaku akhir-akhir ini?” “Apakah yang telah berlaku?” tanya Yesus. “Perkara-perkara yang berlaku kepada Yesus, orang Nasaret itu,” jawab mereka. “Dia seorang nabi. Di sisi Allah dan pada pandangan semua orang, Dia berkuasa kerana kata-kata-Nya mahupun perbuatan-Nya. Para ketua imam dan penguasa bangsa kita menyerahkan Dia supaya di hukum mati, lalu mereka menyalibkan Dia! Kami berharap bahawa Dialah yang akan membebaskan Israel! Lagi pula hari ini hari ketiga sejak kejadian itu. Beberapa orang wanita daripada golongan kami memeranjatkan kami. Pada waktu fajar mereka pergi ke kubur, tetapi tidak mendapati jenazah Yesus. Lalu mereka kembali dan berkata bahawa mereka nampak malaikat-malaikat yang memberitahukan bahawa Yesus hidup. Beberapa orang di kalangan kami pergi ke kubur dan mendapati keadaannya seperti apa yang dikatakan oleh wanita-wanita itu, tetapi mereka tidak nampak Yesus.” Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Alangkah bodohnya kamu! Alangkah lambatnyanya kamu mempercayai semua yang dikatakan oleh nabi-nabi! Bukankah Penyelamat yang di utus oleh Allah harus mengalami penderitaan itu bagi mencapai kemuliaan-Nya?” Kemudian Yesus menerangkan apa yang tertulis tentang diri-Nya di dalam seluruh Alkitab kepada mereka, mulia dari Kitab-Kitab Musa dan tulisan para nabi.

Mereka hampir tiba di pekan yang ditujui. Yesus kelihatannya seolah-olah hendak meneruskan perjalanan. Tetapi mereka menjemput Dia bermalam. Mereka berkata, " Tinggallah dengan kami. Hari hampir malam , lagipun sudah mulai gelap." Oleh itu Yesus masuk ke rumah untuk bermalam dengan mereka. Dia makan bersama-sama mereka. Kemudian Dia mengambil roti, mengucap syukur kepada Allah , lalu membahagi roti itu, dan memberikannya kepada mereka. Maka sedarlah mereka bahawa orang itu Yesus. Tetapi Yesus lenyap daripada pandangan mereka. Mereka bercakap sesama sendiri, " Tidakkah hati kita berasa seperti meluap, ketika Dia berkata-kata kepada kita di tengah jalan dan menerangkan isi Alkitab kepada kita?" Mereka terus bangkit lalu balik ke Yerusalem. Di situ mereka mendapati sebelas orang rasul sedang berkumpul dengan pengikut yang lain. Mereka berkata, " Memang benar Tuhan sudah bangkit! Dia menampakkan diri kepada Simon!"

Renungan :

- 1. Sunyikan diri anda selama semenit atau dua menit untuk mempersilakan Tuhan bercakap dengan anda.*
- 2. Ketika Yesus mengambil roti dan mengucap syukur; kemudian Dia memecah-mecahkan dan membahagikan kepada Pengikut-pengikut-Nya, mata mereka terbuka penuh harapan. Apakah anda merasa memiliki harapan yang lebih selepas menghadiri Perayaan Ekaristi ? Sila jelaskan jawapan anda .*

TINDAKAN

Di tengah-tengah transformasi , perjalanan kita dalam menerima Ekaristi adalah suatu perubahan mendasar dalam cara kita masing-masing untuk mendekati dunia. Yang tidak hanya terkait dengan penerimaan Ekaristi - dan merupakan bahagian integral di dalamnya. Mengutip ensiklik pertamanya, Deus Caritas Est, Paus Benediktus menegaskan:

Misteri Ekaristi yang memberi dan membangkitkan sebuah pelayanan amalan terhadap sesama, mengandungi hakikat bahawa di dalam Tuhan dan bersama Tuhan, saya mengasihi orang yang saya tidak suka mahupun orang yang tidak saya kenal sekalipun. Hal ini hanya dapat terjadi di dalam dasar pertemuan yang mendalam bersama Tuhan, sebuah pertemuan yang wujud menjadi sebuah persekutuan yang di kehendaki, yang mempengaruhi perasaan saya. Kemudian saya belajar untuk melihat orang lain bukan sekedar dengan mata saya atau hati saya, melainkan dari sudut pandangan saya terhadap Yesus Kristus. . . ." (#88)

Bertindak dengan minda dan hati Kristus , secara berangsur-angsur individu kita menjadi sebuah wakil Pembaharuan Tuhan didalam masyarakat. Maka, transformasi peribadi dalam menerima Kristus di dalam Ekaristi pada asasnya saling berkaitan dan membawa kepada

transformasi masyarakat di mana individu hidup dalam pembaharuan dan kehidupan yang di orientasikan semula.

Pertanyaan – pertanyaan yang di kongsikan

Mengambil dari pertimbangan renungan guru Katolik , Bacaan Injil dan Ensiklik Paus Benediktus di atas, bagaimana anda melihat hubungan antara Ekaristi dan menjadi tanda sebuah Harapan kepada dunia ?

Doa Penutup : Menjemput seorang ahli KED untuk mengucapkan Doa Penutup .

Lagu Penutup : AKULAH ROTI HIDUP

1. Akulah Roti Hidup

Takkan lapar yang datang pada-Ku

Takkan dahaga yang percaya-Ku

Hanyalah Aku , punca hidup yang kekal.

Dan Ku akan s'lamatnya

Dan Ku akan s'lamatnya

Dan Ku akan s'lamatkan....

Yang peyayakan-Ku.

2. Roti yang Ku beri

Tubuh-Ku untuk hidup dunia

Tak'kan mati yang santapinya.

Hidup selamanya, bersama-Ku di syurga.